

**Pertumbuhan Malaysia Pada 2012 Mengatasi Unjuran : Ernst & Young  
Bernama  
15 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Malaysia mencatat prestasi yang baik pada 2012, dengan Ernst and Young mengunjurkan pertumbuhan 5.1 peratus setahun penuh, meningkat daripada 4.5 peratus mengikut unjuran awal, kata peneraju Pasaran Malaysia, Azwan Baharuddin.

"Penyumbang utama pertumbuhan ini termasuk pengembangan dasar fiskal dan sokongan kukuh kerajaan yang merangsang pelaburan dan perbelanjaan pengguna," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata pelaburan sangat pesat, berkembang lebih 20 peratus pada suku ketiga, didorong oleh sokongan kerajaan yang kukuh menerusi projek infrastruktur, manakala penggunaan swasta juga mengekalkan pertumbuhan yang padu pada suku ketiga pada 8.5 peratus.

"Walaupun kami menjangkakan pertumbuhan akan menyederhana pada suku pertama 2013, dasar kerajaan yang menyokong dalam pembangunan bakat dan penerimaan teknologi, akan terus memainkan peranan penting dalam pembangunan transformasi dan pertumbuhan ekonomi jangka panjang," kata Azwan.

Di peringkat Asean, pasaran pertumbuhan pesat (RGM) berada pada momentum pertumbuhan tinggi, dijana oleh Komuniti Ekonomi Asean (AEC).

RGM mengurangkan halangan perdagangan sejak 20 tahun lepas, membuka ekonomi masing-masing kepada perdagangan serta pemindahan teknologi, katanya.

Dalam dekad akan datang, hubungan dua hala antara ekonomi membangun Asia akan terus meningkat memandangkan permintaan yang semakin tinggi untuk produk pengguna canggih hasil daripada pasaran kelas pertengahan yang meningkat.

Azwan berkata: "Syarikat Malaysia secara konsisten memberi tumpuan ke atas dagangan di rantau ini, dengan banyak syarikat memilih untuk meluaskan perniagaan masing-masing dalam ekonomi pesat membangun Asia yang lain, terutama Indonesia dan Vietnam.

"Hubungan perniagaan yang kukuh ini pastinya akan merangsang momentum pertumbuhan Malaysia.

"Ia juga sejajar dengan perancangan rantau ini untuk menjayakan AEC yang bermatlamat mengubah rantau berkenaan menjadi pusat pengeluaran dan pasaran tunggal menjelang 2015."

Azwan berkata Malaysia, bakal negara RGM, boleh menjangkakan permintaan kukuh yang berterusan ke atas komoditinya, dan kedudukan pasaran domestik yang memihak kepadanya akan membantu merangsang peningkatan pendapatan pada 2013.

"Daya pulih kewangan negara, faktor rizab antarabangnya yang tinggi dan aliran pelaburan asing yang sihat ke dalam negara, akan memacu transformasi ekonomi Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020," katanya.

Dagangan sesama rakan di rantau ini, pelonggaran dasar monetari dan kewangan serta

permintaan yang lebih tinggi untuk komoditi akan menjurus kepada peningkatan unjuran ekonomi bagi RGM pada 2013, kata Ernst & Young.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=928207>